

BULETIN

PERPAK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN

BIL 01

EDISI KHAS 2015
JANUARI-DISEMBER

Lawatan YB

Menteri Perdagangan

Dan Industri

Dato ' Sri Mustapha

Mohamed

Karnival Perpustakaan


di Hatiku

Dirasmikan oleh

Ketua Pengarah

PNM





Sidang Redaksi

1

DARI MEJA PENGARAH

2

MISI BANTUAN BANJIR

3

Let`s Read Together

4

PROGRAM MERAKYATKAN ASEAN AEC BERSAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

5

LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

PENASIHAT
MOHAMAD BIN OTHMAN

KETUA EDITOR
WAN FAIRUZLIZA BIN
WAN KADIR

EDITOR
HANIF BIN JUNOH
MOHD AZIZI BIN ZAINUDIN
MOHD HAFIZ BIN JOHARI

JURUFOTO
NOR AZLIZA BINTI
KAMARULZAMAN

REKABENTUK DAN
SUSUNATUR
MOHD HAFIZ BIN JOHARI

Diterbitkan oleh:

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Jalan Mahmood 15200
Kota Bharu
Kelantan

6-7

KURSUS UNTUK
KAKITANGAN

8

CERAMAH MINGGUAN

9

KARNIVAL PUSTAKAAN
DI HATIKU

10

HARI KELUARGA
PPAK

11

SUNATHON

12

AKTIVITI
LUAR PPAK

13

KALENDAR AKTIVITI
2016



Alhamdulillah Segala puji bagi Allah tuhan semesta Alam, Dia yang maha pemurah, maha penyayang lagi maha bijaksana. Dengan izinNya telah terzhirlah sebuah buletin yang di tunggu-tunggu oleh seluruh warga PPAK yang terdiri daripada kakitangan dan pengguna perpustakaan. Buat julung kali nya sepanjang penubuhan PPAK bermula daripada tahun 1983 baru kali ini sebuah buletin yang lengkap dapat di terbitkan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan buletin ini bermula dari pencarian bahan, pengumpulan bahan, rekabentuk serta seluruh proses kerja sehinggalah buletin ini berjaya di cetak dan diterbitkan.

Seperti yang kita maklum Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) mula di tubuhkan pada tahun 1983. Penubuhannya bertujuan untuk menguruskan sumber maklumat secara sistematik serta menggalakkan masyarakat mendapatkan ilmu pengetahuan di perpustakaan melalui amalan membaca. Pelbagai aktiviti sedang dan telah di laksanakan bagi memastikan masyarakat dapat di pupuk untuk membudayakan amalan membaca di dalam kehidupan seharian. Sehingga kini PPAK mempunyai sebuah perpustakaan induk, 7 buah perpustakaan cawangan, 3 buah perpustakaan desa dan sebuah perpustakaan komuniti yang terletak di pusat membeli belah AEON Mall Kota Bharu. PPAK akan terus memperkenalkan perkhidmatan yang berkualiti seiring dengan perkembangan teknologi semasa agar perkhidmatan yang di sediakan akan terus relevan kepada semua lapisan masyarakat.

Saya menaruh harapan yang tinggi agar buletin ini akan dapat di terbitkan secara berterusan dari semasa ke semasa dan berharap maklumat yang terkandung di dalam buletin ini dapat menggambarkan komitmen serta usaha yang telah di ambil oleh PPAK untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Saya berdoa kepada Allah S.W.T semoga PPAK akan terus mengorak langkah yang positif dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti kepada seluruh rakyat Kelantan. Semoga kewujudan PPAK akan di ambil manfaat oleh seluruh rakyat dan akan menjadi pusat rujukan utama rakyat seluruh negeri Kelantan.



MOHAMAD BIN OTHMAN

PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM KELANTAN



Misi Bantuan

perpustakaan desa kampung kemubu

Kejadian banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada penghujung tahun 2014 yang lalu menyebabkan hampir keseluruhan negeri Kelantan menjadi lumpuh. Antara kawasan yang teruk terjejas ialah kawasan Kuala Krai, Machang, Kota Bharu, Gua Musang, Tanah Merah dan Tumpat. Bencana banjir ini juga menyebabkan beberapa buah perpustakaan cawangan dan desa di negeri Kelantan telah ditenggelami oleh air dan memusnahkan hampir keseluruhan koleksi dan perabut. Antara yang teruk terjejas ialah Perpustakaan Desa (PNM) Kemubu, Kuala Krai. Bagi memulihkan keadaan, PPAK telah mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak untuk membantu membersihkan perpustakaan desa ini. Antara pihak yang membantu membersihkan perpustakaan yang terlibat ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ibu pejabat dan cawangan Perlis. Disamping itu kakitangan PPAK turut bersama berganding bahu membersihkan perpustakaan desa tersebut.



Suasana di persekitaran perpustakaan

LET'S READ 10 MINUTES



Gimik perasmian majlis mari membaca selama 10 minit dirasmikan oleh Ym Dato`Dr Tengku Faziharudean Bin Tengku Feisal



Program Jom baca bersama selama 10 minit telah di adakan pada 23 april 2015. Program ini dijalankan secara serentak di seluruh negara di mana pada jam 10 pagi sehingga 10.10 minit pagi semua peserta akan membaca buku serentak. Program ini telah dimulai sejak dari tahun 2014 dan dijadikan acara tahunan bagi seluruh perpustakaan negeri di seluruh negara. Program ini merupakan hasil usahasama antara Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan se-Malaysia (MPAM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan disokong oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Objektif program ini dijalankan adalah untuk mendidik masyarakat menjadi masyarakat yang minat membaca dan menjadikan aktiviti membaca sebagai amalan seharian. Program kali ini telah di rasmikan oleh Ym Dato Dr Tengku Faziharudean Bin Tengku Feisal.



PROGRAM MERAKYATKAN ASEAN-AEC BERSAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)



Program merakyatkan ASEAN-AEC bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri(MITI) yang berlangsung pada 15 ogos 2015 di Perbadanan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan(PPAK) diadakan sempena pelantikan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN atau ASEAN Chair kali keempat. Perbadanan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan amat bertuah apabila terpilih sebagai lokasi bagi memperkenalkan ASEAN dan penglibatan MITI dalam ASEAN dan ASEAN Comunity(AEC) kepada masyarakat. Objektif program ini ialah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai Negara ASEAN-AEC mempromosi sumbangannya dalam bidang perdagangan, industri politik dan kebudayaan.

AKTIVITI-AKTIVITI SAMPINGAN

- 1 - PAMERAN KENALI ASEAN-AEC
- 2 - PERTANDINGAN SPELLING BEE
- 3 - PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA
- 4 - ART ATTACK
- 5 - MUSICAL BOOK
- 6 - KUIZ KENALI ASEAN -AEC



KURSUS UNTUK KAKITANGAN



Sistem Pengurusan

Bengkel Sistem pengurusan Perpustakaan Bersepadu(modul katalog) telah diadakan pada 25 november 2015 yang lalu kepada pembantu perpustakaan awam cawangan dan pusat . Bengkel ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada kakitangan bagaimana memasukan data kedalam sistem KOHA mengikut standard dan peraturan yang ditetapkan.Bengkel ini turut mendedahkan tentang cara-cara untuk mencari nombor pengelasan DDC melalui sistem OPAC dengan perpustakaan luar dan mengimport data yang dikehendaki.Bengkel ini berlangsung selama satu hari dan dikendalikan oleh pegawai dari unit pendokumentasian dan teknikal PPAK.

KURSUS

Pada 4 march 2015 telah berlangsung satu ceramah tentang rahsia rasmi kerajaan di dewan utama PPAK.Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan tentang akta rahsia rasmi (OSA).Peserta telah diberi kesedaran tentang pentingnya untuk menjaga rahsia rasmi kerajaan dan tidak membocorkan rahsia yang diketahui kepada mana-mana pihak.Kursus ini berlangsung selama satu hari dan disertai seramai 30 kakitangan PPAK dan termasuk perpustakaan cawangan



KURSUS UNTUK KAKITANGAN



Pada 10 Febuari 2015 pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan(PPAK) telah menganjurkan Kursus Integriti ini yang mana ia adalah kursus kali pertama yang dianjurkan sepanjang tahun 2015.Kursus ini diadakan di dewan PPAK. Seramai 43 orang kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) telah menyertai kursus ini berlansung.Tujuan kursus ini dianjurkan ialah untuk meningkatkan integriti anggota perkhidmatan awam di peringkat persekutuan dan peringkat negeri seterusnya mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.Kursus ini dikendalikan oleh YBrS Wan Hazam bin Wan Hassan dari Jabatan Integriti Cawangan Kelantan



KURSUS PENCEGAHAN DAN KAWALAN KEBAKARAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah menganjurkan satu kursus pencegahan dan kawalan kebakaran.Kursus ini dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan Cawangan Bandar Baru Tunjong,Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang aspek keselamatan kebakaran ditempat kerja dan memberi pengetahuan tentang kemahiran menggunakan peralatan melawan kebakaran serta kaedah melawan kebakaran secara berkesan bagi mengurangkan risiko bahaya semasa aktiviti melawan kebakaran.Kursus ini berlansung selama satu hari bertempat di dewan PPAK pada 25 Mac 2015.Kursus ini telah disertai sebanyak 40 orang kakitangan dari perpustakaan pusat dan perpustakaan cawangan

Menjadi kekasih Allah
Wasiat dan Nasihat Kerohanian

DARI

NIK ABDUL QADIR

ABJALANI

CERAMAH MINGGUAN UNTUK KAKITANGAN

Biodata Penceramah

NAMA

DR. HAJI MOHD ZAIN BIN
HAJI MOHAMOOD

AKADEMIK

PHD bahasa dan kesusasteraan
Arab dan Pengajian Islam
Universiti Iskandariah, Mesir

PENGALAMAN

- Mantan Timbalan Dekan Falkulti Bahasa Arab Universiti Islam Brunei Darussalam
- Mantan Pensyarah UIA dan KIAS
- Pendakwah Bebas

UMI adalah singkatan bagi Ubidiyyah, Masuliah dan Itqan yang memberi makna tentang tujuan penciptaan manusia di muka bumi ini. Program UMI ini merupakan cetus idea yang datang daripada Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Bin NiK Mat yang mahu melihat semua penjawat awam di negeri Kelantan berkerja dengan berkonsepkan penghambaan kepada Allah, Ketelitian dalam menjalankan amanah dan tekun memberi perkhidmatan kepada rakyat. Di PPAK program UMI dijalankan setiap dua minggu sekali dan penyertaan adalah dari semua kakitangan PPAK. Ceramah UMI disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Haji Mohd Zain bin Mat Daud iaitu seorang penceramah bebas yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas serta seorang yang alim lagi warak. Program UMI ini menitik beratkan kefahaman tentang bagaimana seorang penjawat awam perlu menjalankan fungsi sebagai seorang hamba Allah dan sentiasa membuat penambahbaikan dalam kualiti kerja seharian.



KARNIVAL

DAN MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN BANJIR



Pada 1 November 2015 Karnival Perpustakaan Dihatiku dan Majlis Penyerahan Bantuan Banjir Kepada 4 buah perpustakaan desa yang terjejas akibat bencana banjir pada bulan Disember 2014 Majlis ini disempurnakan oleh YBhg Hajjah Nafisah Bt Ahmad dan Ybhg Dato`Dr Mohammad Fadzli bin Dato Hj Hassan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan ,Pendidikan Dan Pengajian Tinggi merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.



Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan oleh Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan sempena Karnival Perpustakaan Dihatiku dan

Majlis Penyerahan Bantuan Banjir antaranya ialah pertandingan pantas jawi, pertandingan khat,ceramah literasi maklumat,pameran oleh agensi-agensi jemputan dan sebagainya.Majlis berakhir pada jam 5 petang dengan gimik peyerahan cek oleh ketua pengarah PNM.



Sambutan Hari Keluarga Warga Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) 2015 telah diadakan di Villa Daniella Beach Resort, Kandis, Bachok Kelantan pada 12-13 Jun 2015. Program ini diadakan bagi mengeratkan lagi silaturrahim antara kakitangan (PPAK). Pelbagai program diaturkan bagi memeriahkan acara sambutan ini iaitu acara sukaneka untuk kanak-kanak dan orang dewasa. Turut diadakan tazkirah keluarga bahagia yang disampaikan oleh Ustaz Yusizurin Yunus bagi memantapkan lagi program ini. Hari Keluarga ini disertai seramai 48 keluarga yang melibatkan 200 orang peserta





Program Sunathon

Program sunathon 2015 merupakan program anjuran bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Persatuan Pekerja Islam (PPI) Hospital Raja Perempuan Zainab II dan Third Force . Program ini telah diadakan pada 22 November 2015 di Pulau Teluk Renjuna, Palekbang, Tumpat ,Kelantan. Program ini dilihat berperanan besar untuk merapatkan jurang maklumat dengan pengisian pelbagai aktiviti membaca disamping program utamanya adalah berkhatan beramai-ramai walaupun di kampung yang agak terpinggir daripada bandar namun sambutan penduduk kampung terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan sungguh memberangsangkan, dimana penduduk kampung begitu terbuka dan teruja menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan.





suasana di sekitar program yg berlangsung diperkarangan perpustakaan bachok

Qaryah ICT

Program anjuran bersama Kerajaan Negeri Kelantan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi Peringkat Negeri Kelantan. Program ini telah diadakan diperkarangan Perpustakaan Awam Cawangan Bachok yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 30 april - 3 mei 2015.



Majlis penyampaian hadiah kepada peserta yang mengambil bahagian

Karnival Edu-Ria

Pelbagai aktiviti membaca dan promosi telah diadakan sempena karnival edu-ria yang telah diadakan pada 11 april 2015 yang berlangsung Perempuan Pasir Mas.



Pendaftaran keahlian perempuan sempena karnival

Pameran sempena Expo Buku Islam

Pameran sempena expo buku Islam diadakan sempena bulan Ramadhan. Pelbagai acara menarik telah diadakan pameran ini berlangsung di perkarangan Stadium Sultan Mohammad IV

Kursus pengurusan perpustakaan diadakan bagi memberi pengetahuan tentang pengurusan perpustakaan seperti proses katalog, pemuliharaan buku dan sebagainya kepada pelajar dan guru-guru yang terlibat. Kursus ini telah diadakan pada 16 jun 2015 bertempat di dewan Maahad Tahfiz Bustanul Arifin, Tumpat.



Demonstrasi penjilidan akhbar oleh kakitangan PPAK

KALENDAR AKTIVITI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEBELANTAN 2015

JANUARI

- Amanat Tahun Baru daripada Tuan
- Pengerah PPAK & Pustakawan

FEBRUARI

- Program YSEALIENGAGING SOUTHEAST ASIAN YOUTH
- Kursus Integriti Kakitangan PPAK
- Pameran sempena Sambutan Tahun Baru Cina

MAR

- Lawatan sambil belajar dari SRI al-Kiblah
- Riang Ria Cuti Sekolah
- Kursus Pencegahan dan Kawalan Kebakaran
- Kursus Akta Rasmi Kerajaan
- Lawatan Sambil Belajar dari PD Zon Tumpat
- Lawatan sambil Belajar dari Tadika Suria Bakti
- Lawatan Sambil Belajar dari Tadika Matahati
- Lawatan Sambil Belajar & Kursus PSS dari Sek. Men. Keb. Long Ghafar
- Pameran sempena Program Tilawah Al-Quran
- Peringkat Negeri KELANTAN

APRIL

- Pameran sempena Program Edu-Ria Sek. Men. Keb.
- Perempan Pasir Mas
- Lawatan sambil belajar dari Sek. Men. Agama (Arab)
- Sullamiah Bunut Payung
- Lawatan sambil belajar dari Sek. Ren. Islam Al-Furqan
- Program Let's Read Together for 10 Minutes
- Hari Terbuka Perpustakaan
- Lawatan sambil Belajar dari Sek. Men. Keb. Meranti, Pasir Mas
- Lawatan sambil belajar dari SMUA Pangkal Jenatih, Temangan
- Lawatan sambil belajar dari SMK Dato' Mahmood Paduka Raja 2
- Mini Carnival Program :Jaryah ICT 2015
- Lawatan sambil belajar dari Tadika DOREME

MEI

- Lawatan sambil belajar dari Tadika Khalifah
- Permata Harapan
- English Camp 2015
- Pameran sempena Sambutan Hari Ibu
- Pameran sempena Sambutan Hari Guru
- Lawatan sambil belajar dari Tadika Manjaku Besteri
- Lawatan sambil Belajar dari Islamic Outreach Abim Kelantan

JUN

- Aktiviti Cuti Sekolah
- Lawatan sambil belajar dari Little Sunshine Care Day Centre
- Kursus Pengurusan Perpustakaan Maahad Tahfiz
- Bustanul Arifin, Tumpat
- Pameran sempena Expo Buku Islam
- Pameran sempena Hari Antidadah Antarabangsa

JULAI

- Majlis Penyerahan Buku Sem Sihat Diah Bhgri .
- Pelancungan dan Kesemian Pej. SUK
- Majlis Sambutan Hari Raya Perdana Negeri Kelantan
- Pameran sempena Sambutan Tahun Baru Cina

OGOS

- Lawatan sambil belajar dari Tadika Elris ke PPAK
- Program Merayakan ASEAN-AEP bersama Kementerian
- Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
- Ucapan dan tandingan sempena Sambutan Hari
- Kemerdekaan yang ke-58
- Lawatan sambil belajar dari SMA Tg. Anjalim A'ishah Putri ke PPAK

SEPTEMBER

- Lawatan sambil belajar dari SK Bukit Gemuruh Terengganu ke PPAK
- Program nilam SK Padang Garong 2
- Aktiviti cuti sekolah
- Lawatan sambil belajar dari SK Changgai Pasir Puteh ke PPAK
- Tayangan video kanak-kanak

OKTOBER

- Lawatan sambil belajar Tadika Kemas Pengkalan Chepa
- Pameran sempena Program Cakna Rakyat Dun Damit sempena
- Sambutan Awal Muharram 1437 H/2015 M
- Pameran Sempena Konvoi Perarakan Bahasa sempena Bulan
- Bahasa Kebangsaan 2015 Peringkat Negeri Kelantan
- Lawatan sambil belajar dari Sek. Keb
- Lawatan sambil belajar dari Sek. Keb. Dthman Talib (I)
- Lawatan sambil belajar dari Sek. Keb. Bechah Durian
- Kelantan Vocational Arts English Camp Exhibition

NOVEMBER

- Karnival Perpustakaan Di hatiku
- Pameran Bah Kuning sempena Karnival Perpustakaan di hatiku

DISEMBER



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN BACHOK



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN JELI



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN CHIKU 1



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN SALOR



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN TUMPAT



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN PASIR MAS



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN DARANG



PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN KUALA KRAI

PERPUSTAKAAN CAWANGAN PASIR MAS

Jalan Meranti
17000 Pasir Mas Kelantan
Tel 09 7903743

PERPUSTAKAAN CAWANGAN TUMPAT

Jalan Stesen 16200
Tumpat Kelantan
Tel:09 7256967

PERPUSTAKAAN CAWANGAN BACHOK

Jalan Pantai Irama
16300 Bachok Kelantan
Tel:09 778961

PERPUSTAKAAN CAWANGAN

GUA MUSANG

Bandar Baru Gua Musang
18300 Gua Musang
Tel:09 9120421

PERPUSTAKAAN CAWANGAN

PASIR PUTEH

PT 658, Seksyen 2 Jalan Belakang
Pejabat Majlis Daerah Pasir Puteh
Tel 09 7855380/7855381

PERPUSTAKAAN CAWANGAN KUALA KRAI

Jalan Sultan Yahya Petra
18000 Kuala Krai Kelantan
Tel:09 9664798

PERPUSTAKAAN CAWANGAN JELI

Jalan Pekeliling
117600 Jeli Kelantan
Tel:09 9440690



Email: ppak@kelantan.gov.my

TEL:09-7412522
09-7444522
FAX:097487736

JALAN MAHMOOD
15200 KOTA BHARU
KELANTAN.



**PERPUSTAKAAN
DESA DABONG**

Jalan Pejabat Majlis
Daerah Kuala Krai
Selatan 18000
Kuala Krai Kelantan
Tel:09 9606010

**PERPUSTAKAAN
DESA FELDA CHIKU 1**

18300 Gua Musang
Kelantan
Tel:09 7990037

**PERPUSTAKAAN
DESA SALOR**

Masjid Kg Gua
17500 Salor Kelantan
Tel:09 7012953